

Hapus kuota bumiputra, Umno khianat Melayu
Malaysiakini.com
September 27,2011

Dewan Pemuda PAS (DPPM) mengesa presiden Umno yang juga perdana menteri Malaysia menarik balik hasrat beliau yang mahu menghapuskan terus kuota bumiputra dan menggunakan sistem meritokrasi sebagai kaedah baru bagi mendesak usahawan itu untuk bersaing secara terbuka.

Penghapusan kuota bumiputra ini adalah satu pengkhianatan Umno kepada orang Melayu dan bukan masanya perkara ini dilakukan. Jika kuota dihapuskan, apa lagi yang tinggal sedangkan baki yang ada dari 30 peratus dahulu sebenarnya hanyalah tinggal 12.5 peratus sahaja.

Rakyat tidak lupa bahawa pada 2009, Najib jugalah orang yang bertanggungjawab menurunkan kuota ekuiti bumiputera daripada 30 peratus kepada 12.5 peratus dan menurunkan ekuiti bukan bumiputera daripada 25 peratus kepada 12.5 peratus.

Demi merealisasikan Model Ekonomi Baru (MEB) kuota bumiputra dimangsakan, sedangkan banyak lagi perkara lain yang belum dilakukan Umno sepanjang hampir 12 penggal pemerintahannya.

Kegagalan Unit Peneraju Agenda Bumiputera (Teraju) di Jabatan Perdana Menteri memainkan peranannya menunjukkan bahawa perdana menteri dan Umno tidak serius dalam menjaga hak dan kepentingan orang Melayu.

Cadangan mewujudkan Majlis Tindakan Ekonomi Melayu Bersatu (MTEM) juga hanyalah satu helah untuk menunjukkan bahawa mereka telah melakukan sesuatu sedangkan MTEM ini hanyalah dianggotai oleh ahli-ahli yang bernaung dalam Biro Ekonomi Umno yang terus menerus diberikan projek-projek khas oleh agensi Kerajaan.

DPPM menyeru agar rakyat dan NGO khususnya kalangan Melayu bangkit menentang dasar ini.

Jangan biarkan presiden Umno sekarang mengadai kepentingan Melayu demi meraihkan pelaburan asing dan juga meningkatkan kekayaan kroni-kroni beliau.

Rakyat wajib menolak Umno-BN dalam Pilihanraya akan datang jika mahu negara ini tidak digadaikan oleh pengkhianat.

Penulis adalah ketua penerangan dewan Pemuda PAS